

Jilid V
No. 6

Hari Ithnin
27hb Januari, 1969



PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN NEGARA (SENATE)

PENYATA RASMI

(DEWAN NEGARA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

KANDONGAN-NYA

PERLANTEKAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA [Ruangan 1057]

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1057]

PEMASHHORAN² OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA:

Uchapan Terima Kaseh [Ruangan 1058]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat kapada Dewan Negara [Ruangan 1059]

Mengangkat Sumpah di-bawah Peratoran Meshuarat 4 (3) [Ruangan 1061]

URUSAN MESHUARAT [Ruangan 1060]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 1061]

KUASA KAPADA YANG DI-PERTUA BAGI MEMBENARKAN LANJUTAN MASA YANG PERLU UNTOK AHLI² MENGAMBIL TEMPAT-NYA DALAM DEWAN [Ruangan 1062]

RANG UNDANG²:

The Constitution (Amendment) Bill [Ruangan 1064]

The Widows' and Orphans' Pensions (Sabah) (Amendment) Bill [Ruangan 1089]

The Widows' and Orphans' Pensions (Sarawak) (Amendment) Bill [Ruangan 1090]

The Malay Regiment (Amendment) Bill [Ruangan 1091]

The Election Offences (Amendment) Bill [Ruangan 1092]

The Criminal Procedure Code (Amendment) Bill [Ruangan 1093]

The Commonwealth Fugitive Criminals (Amendment) Bill [Ruangan 1094]

The Summonses (Special Provisions) Singapore Bill [Ruangan 1094]

The Ministerial Functions Bill [Ruangan 1095]

Rang Undang² Penerangan 'Awam [Ruangan 1097]

The Port Authorities (Amendment) Bill [Ruangan 1098]

DI-CHEATK DI-JABATAN CHEATK KERAJAAN
OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, PENGUSA
JOHOR BAHRU
1969

Harga: \$1

MALAYSIA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Penyata Rasmi

Jilid V

Dewan Negara Yang Kedua, Penggal Yang Kelima

No. 6

Hari Ithnin, 27hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR

- Yang Berhormat Yang Di-Pertua, YANG AMAT BERBAHAGIA TUN SYED SHEH BIN SYED HASSAN BARAKBAH, S.S.M., D.P.M.K., P.S.B. (Di-lantek).
" Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).
" TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
" TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negeri Sembilan).
" TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
" DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
" TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).
" TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
" PUAN AISHAH BINTI ABDUL GHANI (Di-lantek).
" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).
" TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
" TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
Yang Berbahagia TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).
Yang Berhormat TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).
" TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Di-lantek).
" DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
" TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
" DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
" DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M. (Di-lantek).
Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
" TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
" TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB (Selangor).
" TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
" TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
" TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
" DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
" TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
 „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHD. DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN MD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
 „ Dato' Kurnia Penglima Raja, NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pahang).
 „ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).
 „ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).
 „ TUAN K. R. SOMASUNDARAM, A.M.N. (Kedah).
 „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
 „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
 „ TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
 Yang Berhormat DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
 „ DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N., (Di-lantek).
 „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 „ TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

YANG TIADA HADHIR

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
 „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
 „ DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).
 „ DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).
 „ TUAN G. LOUIS, A.M.N. (Di-lantek).
 Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).
 Yang Berhormat DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
 „ DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).

YANG HADHIR BERSAMA

- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
 „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
 „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

DO'A

PERLANTEKAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Setia-usaha: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak menyatakan di-sini, saya telah menerima hanya satu sahaja pemberitahu berkenaan dengan pilehan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang akan di-jalankan pagi ini. Pemberitahu ini ia-lah daripada Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Senator Abdul Ghafar bin Baba. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba menge-mukakan chadangan-nya.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Saya mohon men-chadangkan supaya Yang Amat Berbahagia Tun Syed Sheh bin Syed Hassan Barakkah di-pileh menjadi Yang di-Pertua.

Dato' J. E. S. Crawford: Ahli² Yang Berhormat, saya bangun menyokong penoh usul yang di-bawa oleh Senator Abdul Ghafar bin Baba.

Tuan Setia-usaha: Ahli² Yang Berhormat, oleh kerana ada hanya satu sahaja chadangan di-buat maka menu-rut Peratoran Meshuarat 2, Cheraian (3) saya menyatakan dengan rasmi-nya bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Syed Sheh bin Syed Hassan Barakkah telah di-pileh menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara.

(Dengan pemashhoran Tuan Setia-usaha, Yang Amat Berbahagia Tun Syed Sheh bin Syed Hassan Barakkah ada-lah di-bawa kapada Kerusi oleh Yang Berhormat Menteri Ta' Ber-jabatan, Tuan Abdul Ghafar bin Baba dan Yang Berhormat Dato' J. E. S. Crawford)

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua, sa-orang berdiri, bangun mengangkat sumpah. Lepas itu Ahli² Yang Berhormat yang tersebut di-bawah ini telah mengangkat sumpah saperti yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

(1) Pengiran Mohd. Digadong Gal-pam.

(2) Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob.

PEMASHHORAN² OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

UCHAPAN TERIMA KASEH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, sa-belum di-mulakan per-sidangan ini, saya suka hendak menyebutkan bahawa saya sangat-lah berbesar hati dan terhutang budi kapada Ahli² Yang Berhormat sekalian di atas keperchayaan Ahli² Yang Berhormat itu kapada saya dengan melantek saya menjadi Yang di-Pertua Dewan ini. Saya uchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat sekalian. Saya harap saya akan mendapat bantuan dan kerjasama yang sa-penoh-nya daripada Ahli² Yang Berhormat sekalian dan juga daripada pegawai² di-Dewan ini. Bagi pehak saya, saya akan menjalankan tugas saya ini dengan sa-berapa daya upaya yang saya boleh. Saya me-mohon kapada Tuhan yang Maha Kuasa supaya di-limpahkan kapada kita sekalian taufik dan hidayah dan juga kebijaksanaan di-dalam segala persidangan di-Dewan Negara ini. Terima kaseh.

Honourable Members, before we begin today's proceedings, I wish to express my deep gratitude to all of you for the confidence you have placed in me by electing me as your President. So, please accept my sincere thanks.

I look forward to having the whole-hearted support and co-operation of all the Honourable Members as well as the staff of this House in the performance of my responsible task. For my part, I assure you that I shall endeavour to perform my duty to the best of my ability and I pray to Almighty God that we have His blessing and guidance, that we may be endowed with strength, fortitude and wisdom in all our deliberations here in this House, the Senate.

Again I thank you. (Applause).

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RA'AYAT KAPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha membacha-nya.

(Tuan Setia-usaha membachakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut:

- (1) An Act to amend the Widows' and Orphans Pensions Ordinance, (Sabah Cap. 156), 1951;
- (2) An Act to amend the Widows and Orphans' Pensions (Sarawak Cap. 90), 1950;
- (3) An Act to amend the Malay Regiment Enactment (F.M.S. Cap. 42);
- (4) An Act to amend the Election Offences Ordinance, 1954, as applicable to the State of Malaya, Sabah and Sarawak;
- (5) An Act to amend the Development Funds Act, 1966;
- (6) An Act to amend the Loan (Local) Ordinance, 1959;
- (7) An Act to amend the Criminal Procedure Code;
- (8) An Act to amend the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967;
- (9) Suatu Act bagi membuat peruntukan supaya saman² mejisiteret dapat di-sampaikan dengan lebih segera antara Malaysia dan Republik Singapura;
- (10) Suatu Act bagi mengator dan mengawal kegiatan² sharikat² meminjam;
- (11) Suatu Act bagi membuat peruntukan untuk mengisitiarkan tugas² dan pemindahan tugas² Menteri, untuk menetapkan nama jawatan Menteri, dan bagi maksud² yang berkenaan dan berhubong dengan-nya;

(12) Suatu Act bagi mengadakan peruntukan undang² yang lebih baik berkenaan dengan Penerbangan Awam dan bagi perkara² yang berhubong dan yang berkaitan dengan-nya;

(13) An Act to amend the Port Authorities Act, 1963;

(14) An Act to amend the Constitution of the Federation;

dan menyerahkan-nya kepada Dewan Negara bagi di-persetujukan.

(t.t.) Dato' C. M. Yusof,
Yang di-Pertua,
Dewan Ra'ayat.”

URUSAN MESHUARAT

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberitahu ia-itu saya akan menchadangkan supaya Rang Undang² yang berikut ini di-bachakan kali yang kedua dan ketiga-nya di-meshuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang ini. Yang pertama ia-lah:

- (1) The Constitution (Amendment) Bill;
- (2) The Widows' and Orphans' Pension (Sabah) (Amendment) Bill;
- (3) The Widows' and Orphans Pension (Sarawak) (Amendment) Bill;
- (4) The Malay Regiment (Amendment) Bill;
- (5) The Election Offences (Amendment) Bill;
- (6) The Criminal Procedure Code (Amendment) Bill;
- (7) The Commonwealth Fugitive Criminals (Amendment) Bill;
- (8) Rang Undang² Saman (Peruntukan Khas) Singapura;
- (9) Rang Undang² Tugas² Menteri;
- (10) Rang Undang² Penerbangan Awam;
- (11) The Port Authorities (Amendment) Bill;

dan saya juga menchadangkan supaya tiga Rang Undang² lagi akan di-bachakan bagi kali yang kedua dan ketiga pada meshuarat 24hb Februari yang akan datang ia-itu:

- (1) The Development Fund (Amendment) Bill;
- (2) The Loan (Local) (Amendment) Bill; dan
- (3) Rang Undang² Sharikat² Meminjam.

MENGANGKAT SUMPAH DI-BAWAH PERATORAN MESHUARAT 4 (3)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan bahawa tiga orang Ahli Dewan Negara ia-itu, satu Yang Berhormat Dato' O. K. K. Indan bin Kari, dua, Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Ahmad, ketiga, Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman telah mengangkat sumpah di-hadapan Yang di-Pertua yang dahulu pada 9 haribulan Disember, 1968, menurut Peratoran Meshuarat Dewan Negara 4, cheraian (3).

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBAS-KAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

(Usul)

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan:

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam peratoran Meshuarat 11 Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali Urusan Kerajaan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan dan apabila tamat meshuarat, Majlis ini akan di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Ithnin, 24 haribulan Februari, 1969.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usual di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11 Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali Urusan Kerajaan yang ada di-dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan dan apabila tamat meshuarat, Majlis ini akan di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Ithnin, 24 haribulan Februari, 1969.

KUASA KAPADA YANG DI-PERTUA BAGI MEMBENARKAN LANJUTAN MASA YANG PERLU UNTOK AHLI² MENGAMBIL TEMPAT-NYA DALAM DEWAN

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Fasal (2) Perkara 59 dalam Perlembagaan, Dewan ada-lah dengan ini mewakilkan kuasa kapada Yang di-Pertua, bagi membenarkan lanjutan masa sa-berapa lama yang perlu bagi mana² Ahli mengambil tempat-nya dalam Dewan ini terta'alok kapada sharat² berikut ia-itu:

- (a) lanjutan masa yang di-benarkan itu tidak boleh lebih dari pada enam bulan sa-lepas habis tempoh tiga bulan seperti yang di-nyatakan dalam Fasal itu: dan
- (b) Yang di-Pertua hendak-lah melaporkan kepada Dewan nama tiap² orang Ahli yang telah di-beri lanjutan masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: menurut Perkara 59 dalam Perlembagaan, sa-saorang Ahli Dewan ini di-kehendaki mengambil tempat-nya dalam Dewan ini dalam masa tiga bulan daripada tarikh Dewan ini mengadakan persidangan-nya yang pertama sa-lepas ia di-pileh atau di-lantek, atau dalam masa sa-lanjut-nya yang di-benarkan oleh Dewan ini. Sa-kira-nya ia tiada mengambil tempat-nya dalam masa

tiga bulan itu, atau dalam tempoh lanjutan yang di-benarkan oleh Dewan ini tempat-nya itu akan menjadi kosong.

Dari masa ka-samasa mungkin ada Ahli² yang baharu di-lantek, atau di-pileh yang tiada dapat, dengan sebab² yang tertentu, mengambil tempat-nya dalam Dewan ini dalam masa yang di-benarkan oleh Perlembagaan. Oleh yang demikian mereka mesti-lah mendapat kebenaran Dewan ini untuk melanjutkan tempoh dalam mana ia di-kehendaki mengambil tempat-nya dalam Dewan ini.

Chara biasa bagi Dewan ini memberi kebenaran yang sa-umpama itu dengan usul Dewan ini, tetapi dalam perkara ini, chara ini ada-lah di-fikirkan menyusahkan, atau changgong oleh kerana tiap² kali sa-saorang Ahli baharu itu tiada dapat mengambil tempat-nya dalam masa yang di-benarkan, Dewan terpaksa di-minta meluluskan usul untuk di-beri tempoh lanjutan tersebut. Sa-lain daripada itu kebenaran Dewan ini mungkin tiada dapat di-perolehi sa-belum tamat tempoh tiga bulan yang di-benarkan oleh Perkara 59 itu. Oleh kerana Dewan tiada bermeshuarat pada masa tempoh tamat, ini berma'ana kebenaran Dewan itu terpaksa di-perolehi sa-lepas tempoh yang di-benarkan oleh Perlembagaan itu berakhir.

Oleh yang demikian ada-lah di-shorkan dengan usul di-hadapan Dewan ini bahawa Yang di-Pertua di-beri kuasa bagi membenarkan lanjutan tempoh itu dengan sharat lanjutan tempoh itu tidak lebih daripada enam bulan dan Yang di-Pertua hendak-lah melaporkan kapada Dewan ini tentang kebenaran yang telah di-berikan-nya itu. Dengan yang demikian maka terpulang-lah kapada timbangan Tuan Yang di-Pertua untuk memberi lanjutan masa yang tidak lebih daripada enam bulan itu.

Kuasa bagi memberi kebenaran Dewan ini di-bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan, ia-itu bagi membenarkan Ahli² tiada menghadiri meshuarat Dewan ini sa-lama tiada lebih enam

bulan telah pun di-serahkan kapada Yang di-Pertua dengan usul Dewan ini pada 19 haribulan Oktober, 1964, saperti usul tersebut tujuan usul ini ia-lah sa-mata² untuk menyenangkan perjalanan urusan Dewan sahaja. Oleh itu saya perchaya usul ini akan mendapat sokongan daripada Ahli² Yang Berhormat.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut peruntukan Fasal (2) Perkara 59 dalam Perlembagaan, Dewan ada-lah dengan ini mewakilkan kuasa kapada Yang di-Pertua bagi membenarkan lanjutan masa sa-berapa lama yang perlu bagi mana² ahli mengambil tempat-nya dalam Dewan ini, terta'lok kapada sharat² berikut, ia-itu—

- (a) lanjutan masa yang di-benarkan itu tidak boleh lebih dari pada enam bulan sa-lepas habis tempoh tiga bulan saperti yang di-nyatakan dalam Fasal itu; dan
- (b) Yang di-Pertua hendak-lah melaporkan kapada Dewan nama tiap² orang ahli yang telah di-beri lanjutan masa itu.

RANG UNDANG²

THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan satu Rang Undang² yang bernama "The Constitution (Amendment) Bill 1969" di-bacha bagi kali yang kedua.

Saperti yang di-terangkan dalam Rang Undang² ini, tujuan Rang Undang² ini ia-lah hendak membuat sadikit pindaan kapada Perlembagaan Malaysia supaya satu² kekosongan luar-jangka atau "casual vacancy"

dalam Dewan Ra'ayat atau pun Dewan Undangan Negeri yang di-sebabkan oleh kematian, perletakan jawatan Ahli dan sa-bagai-nya tidak-lah perlu di-isi jika sa-kira-nya kekosongan itu berlaku dalam tempoh 6 bulan sabelum Parlimen atau Dewan Undangan Negeri terbubar (stands dissolved).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukan-lah bertujuan hendak menchabul kesuchian Perlembagaan dengan membuat pindaan ka-atas-nya dengan sa-suka hati bahkan Kerajaan berasa dukachita kerana terpaksa berbuat demikian untuk menghadapi keadaan yang luar biasa yang telah di-sebabkan oleh perletakan jawatan beberapa orang ahli Parti Buroh Malaya dari Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri, Majlis Perbandaran dan sa-bagai-nya. Mengikut Perkara 54(1) Perlembagaan satu² kekosongan luar-jangka dalam Dewan Ra'ayat atau Dewan Undangan Negeri hendak-lah di-isi dalam tempoh 60 hari sa-lepas berlaku-nya kekosongan itu. Perbuatan meletakkan jawatan di-masa negara kita sedang bersedia untuk menghadapi pilehan raya umum tidak berapa lama lagi, dan dengan tidak sa-chara serentak dan pada satu ketika, ada motif² yang tersembunyi.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan yang sa-macham ini ada-lah mempunyai motif² yang tersembunyi sa-bagaimana yang di-terangkan dalam Kertas Puteh bertajok: "Untuk Menchapai Kuasa Penoh Melalui Keke-rasan" yang di-bentangkan dalam Dewan ini nyata-lah apa motif-nya itu. Sekarang nyata-lah kita mengetahui bahawa Parti Buroh itu tidak perchaya kepada sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat tidak-lah ada faedah-nya mengadakan pilehan² raya kecil sekarang ini kerana pilehan raya umum akan di-adakan beberapa bulan sahaja dari sekarang ini. Ini akan hanya menyusahkan dan membosankan ra'ayat dan memaksa negara mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk mengadakan pilehan² raya itu.

Tuan Yang di-Pertua, chuba-lah kita ambil sa-bagai chontoh ia-itu kekosongan kerusi bagi kawasan Datok Keramat yang telah di-kosongkan oleh Yang Berhormat Enche' Lim Kean Siew itu. Jika sa-kira-nya pilehan raya kecil untuk mengisi kekosongan ini di-jalankan pun tidak ada ma'ana-nya dan tidak ada memberi apa² faedah jua pun kerana sa-siapa sahaja yang akan di-pileh kelak tidak akan berpeluang walau sa-kali pun hendak mengambil kerusi-nya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan pindaan ini ia-lah sa-mata² hendak mengelakkan daripada menjalankan satu² perkara yang tidak berfaedah dan juga untuk menchegah demokrasi di-salah-gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 1 (2) Rang Undang² ini menetapkan bahawa Rang Undang² ini akan bermula kuat-kuasa-nya pada 18hb November, 1968 ia-itu 6 bulan sa-belum Parlimen sekarang ini terbubar. Sa-bagaimana yang terma-alum chadangan meminda Perlembagaan ini ia-lah untuk menghadapi keadaan yang telah timbul sekarang dan juga keadaan yang sama yang mungkin timbul di-masa² yang akan datang. Untuk menghadapi keadaan yang timbul sekarang ini, maka perlu-lah Rang Undang² ini di-kuat-kuasakan mula'i dari tarikh yang di-sebutkan itu.

Clause 3 Rang Undang² ini membuat peruntukan bagi meminda Sekshen 9 Bahagian I, Schedule 8. Ini sangat-lah perlu untuk menchapai persamaan dalam Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan² Kerajaan Negeri.

Clause 4 membuat peruntukan supaya pindaan² ini berkuat-kuasa juga di-Negeri² Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perlu pindaan ini di-adakan kerana kuat-kuasa sekarang juga di-seluruh Malaysia untuk menghadapi masaalah yang telah di-timbulkan ini dengan tidak memerlukan tiap² Negeri membuat pindaan dalam Perlembagaan-nya masing².

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Saya mohon menyokong.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukachita mengambil kesempatan membahathkan Rang Undang² (Pindaan) Perlombagaan yang di-kemukakan di-hadapan Dewan ini pada hari ini. Saya perchaya Dewan ini menyertaī saya bahawa dalam tempoh sa-belas tahun lebeh kita merdeka telah berkali² Dewan kita ini di-minta meluluskan pindaan² Perlombagaan oleh Kerajaan dan ini ada-lah kali yang pertama bagi tahun 1969. Memang biasa di-mana² negeri pun membuat pindaan² Perlombagaan dan semangat Perlombagaan itu sendiri pun membenarkan dan mengizinkan untuk di-buat pindaan kerana ini di-buat dan di-susun bagi kepentingan masharifikat dan harus di-baiki bagi kepentingan masharifikat. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah-nya Kerajaan kita pada masa ini, tidak mahu memikirkan soal pindaan Perlombagaan sunggoh² berdasarkan kepentingan negara dan ra'ayat, tetapi hanya bersedia untuk meminda satu² clause dalam Perlombagaan bila terdesak oleh sebab² politik-nya sendiri, dan ini ada-lah satu perkara yang sangat di-kesalkan kalau ini terus di-jadikan amalan di-dalam negara demokrasi di-negara kita ini.

Saya pernah berchakap dalam Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lalu sa-waktu pindaan Perlombagaan di-minta di-luluskan mengenai dengan Dewan Negara ini sendiri di-mana Ahli² Dewan Negara di-tambah jumlah-nya daripada jumlah yang asal kapada angka 60 orang semua-nya yang menyebabkan jumlah orang yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui nasehat atau pertunjok daripada Perdana Menteri lebeh ramai daripada jumlah Ahli² yang di-tunjok atau di-lantek atau yang di-pileh daripada Negeri² melalui Dewan Perhimpunan Negeri masing². Saya telah menyebutkan dalam sidang pada masa itu waktu membahathkan pindaan ini bahawa pada zat-nya adalah sangat bertentangan dengan spirit

Perlombagaan itu sendiri. Spirit Surohanjaya Lord Reid, spirit laporan Lord Reid itu sendiri yang mengeshorkan supaya tiap² Negeri di-beri hak memilih dua orang wakil dan sa-bahagian kecil di-tunjok oleh Perdana Menteri yang di-lantek oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah bagi maksud memperkuatkan kedudukan negeri sa-kali pun kita tidak sampai kapada apa yang dimaksudkan dengan Perlombagaan di-Amerika Sharikat, tetapi sa-kurang²nya ada-lah itu maksud-nya, tetapi dengan ada-nya jumlah anggota² Dewan Negara lebeh ramai yang di-lantek oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Perutan Agong melalui pertunjok daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bermaksud bagi memenohi kekosongan², atau hajat² politik yang berlaku di-luar Dewan, maka mahu tidak mahu terpaksa di-tambah anggota² sa-kali pun dengan jalan itu sa-telah mengachau-bilaukan kedudukan dan menchabul semangat Perlombagaan itu sendiri bagi melihat ada-nya perkembangan yang baik bagi kepentingan negara dalam Dewan Negara sa-bagi Dewan yang tertinggi di-dalam bentuk demokrasi kita.

Kali ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menyebabkan Kerajaan mengemukakan pindaan Perlombagaan konon-nya dengan hak perasaan yang sangat berat ia-lah berhubong dengan soal pilehan raya. Saya rasa saya dapat memberi simpati dalam soal ini kapada pehak Kerajaan kerana memang perkara ini boleh di-fikirkan beberapa lama dahulu, sebab kemungkinan² itu dapat di-fikirkan juga bahawa pilehan raya yang di-adakan tergesa² di-waktu hampir Dewan akan di-bubarkan sangat merugikan dan saya sa-pendapat dengan pehak Kerajaan dalam soal ini.

Sa-benar-nya Kerajaan pun sedar, saya perchaya, hasil daripada pengalaman² yang telah berlaku dalam negara kita ini Perlombagaan perlu di-pinda dalam beberapa hal mengenai pilehan raya khusus-nya, kerana banyak ada kelemahan² yang telah di-sungutkan oleh ra'ayat melalui akhbar² atau

yang telah di-uchapakan oleh wakil² ra'ayat baik dari Dewan Ra'ayat mahu pun di-Dewan Negara ini sendiri dalam beberapa tahun yang lalu. Tetapi nampaknya Kerajaan tidak bagitu tertarek untuk memikirkan kechualan apabila sampai keadaan seperti sekarang ini apabila Kerajaan telah terdesak, baharu-lah satu pindaan Perlembagaan hendak di-kemukakan.

Soal mengenai pilehan raya ia-lah urat nadi kepada apa yang di-katakan demokrasi. Amalan demokrasi dapat di-wujudkan dan dapat di-banggakan jika pilehan raya itu ada, dan pilehan raya itu juga di-kehendaki bersih. Alangkah baiknya kalau pada satu masa pehak Kerajaan boleh menuahkan sa-buah Jawatan-kuasa Parlimen terdiri dari anggota² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara atau Jawatan-kuasa antara Parti² Politik yang sudah ada wakil dalam Dewan Ra'ayat, atau yang belum ada wakil, kerana ini adalah satu perkara yang melibatkan soal² ra'ayat umum-nya dan demokrasi. Seluroh fikiran harus di-tinjau bagi mendapatkan sa-suatu yang paling baik yang dapat di-laksanakan dalam negara kita bagi kepentingan demokrasi itu sendiri, tetapi Kerajaan telah tidak berbuat bagitu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lalu, seperti yang telah saya katakan tadi, saya bersimpati dengan tindakan Kerajaan. Memang, sa-kali lalu, kita nampak alasan itu sangat menasabah. Tetapi kata saya ini ada-lah di-sebabkan oleh terdesak, ia-itu satu ketakutan yang tidak bersebab, satu ketakutan oleh bayang² sendiri. Kalau keadaan² yang berlaku pada akhir² ini, pemboikotan daripada Parti Buroh, ini-lah puncha yang menyebabkan pindaan Perlembagaan ini di-minta supaya diluluskan, kalau puncha² ini yang menyebabkan Kerajaan bertindak, ini ada-lah di-sebabkan oleh kesalahan dari pehak Kerajaan Perikatan sendiri yang daripada mula² memainkan peranan politik dalam negara kita ini, tidak mempedulikan sungutan², dan tidak menghiraukan bangkangan² dalam soal memberi hak kera'ayatan.

Kalau soal memberi hak kera'ayatan ini telah di-pertahankan dengan betul² pada masa yang lalu, kita tidak berjumpa orang² yang tidak ta'at setia betul² kepada negara kita. Kita akan dapat ra'ayat² yang betul² ta'at setia Malaysian yang benar² dalam negara kita yang sanggup hidup mati untuk negeri kita. Tetapi kerana soal kera'ayatan ini telah di-chuaikan, ia juga kerana kepentingan politik bagi Parti Perikatan, menyebabkan seluroh negara menanggong akibat pada masa yang akhir² ini. Dan bila mana terdesak ini-lah menyebabkan Kerajaan Perikatan mahu bertindak meminda Perlembagaan dan sering berbuat bagitu.

Tadi telah saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang perlu di-perbaiki dalam soal pilehan raya yang ada hubongan-nya dengan apa yang di-tunjukkan dalam Perlembagaan. Pilehan raya yang demokrasi akan benar² di-hormati jika percentage ra'ayat yang keluar mengundi 100 peratus atau kurang sadikit. Satu pengalaman pilehan raya yang berjalan dalam negara kita beberapa tahun yang akhir ini, peratus pengundi² yang keluar bertambah merosot. Mungkin banyak sebab² yang berlaku. Dengan kerana itu, ini harus di-chari sebab² supaya jangan akhir-nya anggota² Dewan yang datang ka-Rumah yang mulia, ia-itu Dewan Ra'ayat khusus-nya, datang daripada undi yang minority dalam hakikat-nya, walau pun dzahir-nya sudah majority daripada jumlah orang² yang keluar mengundi. Kita tidak mahu demokrasi kita itu di-biarkan bagitu. Soal pendaftaran mesti di-tegaskan betul² supaya di-jalankan terus-menerus. Pernah di-dalam Dewan ini saya telah kemukakan pandangan beberapa bulan yang lalu supaya undi wajib di-tetapkan menjadikan satu perkara dalam Perlembagaan, sebab sudah tentu undi wajib mesti di-jalankan sharat yang tertentu dalam Perlembagaan. Dan Kerajaan boleh memasukkan pindaan kerana Kerajaan sahaja yang mempunyai hak untuk berbuat bagitu dengan sebab kelebihan suara sa-

banyak 2/3 yang ada pada Kerajaan pada masa ini.

Kita juga boleh memikirkan bagi kepentingan demokrasi kita supaya di-masukkan dalam Perlembagaan Ahli² Dewan baik Dewan Negeri atau pun Dewan Ra'ayat yang melompat dari parti ka-parti harus di-anggap sa-bagai mengosongkan kerusi-nya sendiri dan kita boleh mengadakan satu pilehan raya yang lain dan itu erti-nya kepentingan demokrasi. Apa guna orang² yang melompat-lompat ini di-beri penghargaan, wujud dan ada-nya dalam Dewan² yang mulia ini? Tetapi apa boleh buat? Kerajaan sa-lama²-nya bersifat mahu menjadikan 'rubber stamp' dan Dewan Negara memang sudah di-tudoh 'rubber stamp', mahu di-paksakan supaya menerima sa-suatu yang pada hakikat-nya ta' dapat di-telan oleh ra'ayat, tetapi apa boleh buat, kekuasaan telah ada di-tangan yang berkuasa sekarang ini.

Melihat kapada isi dan bunyi Rang Undang² ini, saya ambil sahaja satu perkara, di-dalam undang² asal di-dalam Perlembagaan ini, yang belum di-pinda, menyebutkan satu² pilehan raya itu mesti di-adakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kekosongan kerusi itu. Satu pindaan yang harus di-buat kapada satu Perlembagaan harus menurut semangat prinsip itu sendiri. erti-nya, kalau perkataan 60 hari di-dalam Perlembagaan yang asal harus kita ubah kapada 180 hari, atau kita harus ubah kapada 600 hari, tetapi bukan-nya perkataan 6 bulan. Alang-kah jauh-nya Kerajaan memaksa kita supaya menerima sa-suatu hanya kerana kepentingan politik mereka sendiri. Tarikh 6 bulan yang di-tulis dalam Perlembagaan kita akan datang sa-sudah di-luluskan oleh Dewan ini apabila di-kaji oleh orang² yang kemudian sa-bagai mengkaji sejarah politik Malaya akan terlihat-lah oleh mereka betapa chara berfikir kita dan betapa chara kita berbuat bagi memenangkan kepentingan² kita sendiri di-zaman kita ini, dengan tidak mempedulikan semangat dan tradisional kebiasaan yang di-amalkan dalam perubahan² kapada Perlembagaan.

Keanehan yang satu lagi, tangga yang di-tetapkan mula di-kuat-kuasa-kan Rang Undang² ini, ia-itu daripada tarikh 18.11.68, kerana hendak memadankan dengan tempoh 6 bulan yang di-jangka Dewan Ra'ayat dan Dewan² Negeri akan di-bubarkan. Ini ada-lah Perlembagaan, bukan undang² biasa. Barangkali sa-suatu ada-lah tepat kapada sa-suatu undang² yang biasa bagi meminta satu tarikh yang di-bela-kang kerana kepentingan undang² itu sendiri. Tetapi di-dalam soal Perlembagaan ada-lah satu perkara yang kekal, yang bukan senang hendak di-pinda². Ada-lah suatu perkara yang sangat luar biasa saperti yang di-minta oleh pehak Kerajaan pada hari ini.

Siapa-kah yang boleh menduga bahawa 10hb May akan di-adakan pilehan raya? Sebab saya sa-orang Muslim, saya mengatakan insha' Allah, siapa-kah yang boleh menduga bahawa 10hb May, kadang² terfikir oleh saya, kalau Kerajaan Perikatan terdesak oleh sa-suatu hal, mungkin di-gantong seluruh Perlembagaan negara kita ini, kalau dia sanggup berkali² meminda Perlembagaan sa-wenang²-nya, apa-kah sanggup Perikatan dengan keadaan yang mabok kuasa sekarang ini meng-gantongkan seluruh Perlembagaan, pada masa depan dan pilehan raya tidak akan di-adakan?

Ini satu kemungkinan. Dan saya fikir sesak bagi orang² Kerajaan untuk menafikan hakikat ini daripada apa yang telah kita rasa pengalaman demokrasi di-bawah pemerintahan Perikatan. Jadi tarikh 18.11.68, tarikh kebelakangan ini di-minta untuk meluluskan pindaan Perlembagaan suatu perkara yang sangat luar biasa dan tidak patut di-lakukan, kechualia ia-nya untuk satu undang² biasa.

Tuan Yang di-Pertua, itu pun memang betul. Saya katakan saya bersimpati di atas asas ini sahaja, memang bersimpati, tetapi selalu yang Kerajaan buat ini telah keterlaluan kerana terdesak sa-mata². Katakanlah orang yang mau mengkhianati kepentingan negara kita, dia kita sudah tetapkan pilehan raya itu pada sekian haribulan, bererti tempoh 6 bulan kita itu memang sudah

tetap, sudah tidak berubah. Tetapi tidak mustahil sa-saorang yang nakal boleh meletakkan jawatan-nya atau tidak mustahil beberapa orang akan mati kerana suatu *accident*, empat lima orang akan mati, empat hari mendekati 6 bulan tempoh. Erti-nya, kalau dia mati atau mengosongkan kerusi atau seperti itu hanya 4 hari tempoh-nya dekat 6 bulan, kita mahu tidak mahu terpaksa juga mengadakan pilehan raya. Mahu lari ka-mana kita dari mengeluarkan belanja, erti-nya kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan.

Saya sangat menyokong kuat kalau Kerajaan membuat pindaan Perlembagaan ini merupakan pindaan² yang banyak meliputi hal² pilehan raya, termasuk saperti apa yang telah saya katakan tadi tentang undi wajib dan sa-bagai-nya, itu sangat-lah menguntungkan bagi kepentingan demokrasi. Tetapi apa boleh buat, walau bagaimana sa-kali pun, Kerajaan tetap mahu 'steam-roll' dan mahu menjalankan juga apa yang di-kehendak-nya. Sekian.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, after hearing the speech of my colleague in the Opposition, Yang Berhormat Senator Amaluddin bin Darus, I feel that it must be stated that we are as dedicated as he is to the protection of our Constitution—but, there are certain factors of which I think he misunderstood. In order to prevent our parliamentary procedures from being prostituted towards ends which are not consonant with our democratic principles, we have got to introduce this Bill.

The fact is that there are certain Opposititon parties which try to exercise political sabotage and parliamentary obstruction to prevent elections, whether at the State or Parliamentary level. If this is not prevented, the people who will suffer will be the people of this country, the voters who have voted the Alliance Government into power, because election is very costly and time consuming. It has got to take one month for preparations to be made; it takes dedicated workers to work for one complete month; they

have to stop their business, their work, to dedicate themselves to the political machinery. If the election is staggered or prolonged, the people will be losing money, the Government will be losing its effort and political elections will be made a mockery of. So, we have to step in to use our political sagacity to prevent this political sabotage. Supposing, certain political parites are to stagger their resignations every three months, what is going to become of elections if it goes on like this? We will be postponing our elections from time to time, and then the Opposition parties will go and tell the people that we are not a fit Government to rule because we are exercising dictatorship because we are not going to have elections. But according to our procedures, we cannot do it unless we have a breathing space of at least three to six months—as it is now, six months—in which we can have elections.

I think Senator Amaluddin does not know the cost of elections. Let us say, normally it costs a voter a dollar per head to go and vote, not to say the extra expenses incurred in the campaigning, in the printing of leaflets, in the speeches, in the rallies, and so on. A dollar is the cheapest for a voter to lose. If a man comes out to vote, he cannot go to work in the morning and it will cost him a dollar because of the loss of work; and to the professional man, it will cost him more to go to vote. So if you say, it costs a dollar to vote, it is very cheap. In a constituency in which there are 60,000 voters, it will cost the voters \$60,000 not to say about the expenses of running the political machinery in that area of election. It costs us over \$100,000 to have a by-election. There are certain areas I know where it costs more than \$30,000 to have a small by-election only. So, in order to prevent the people of this country from being duped by political Opposition, we have to step in to assert the right of the people not to be frustrated by these political parties. We know that the political parties go to the kampongs and speak to the people not on political concepts,

not on intellectual concepts but on emotional concepts or racial concepts, only telling the people that "If you vote for this party, you go to heaven; if you vote for the other party, you go to hell". These are emotional concepts. It has nothing to do with the right of the people to vote or with their livelihood and so on. It has nothing to do with it, and that is why we have got to step in as a party wise to the methods of the Opposition, to step in and say, "This is the right thing to do for you if you want to have parliamentary democracy in this country". I think it is high time that the Opposition understood that the Alliance leaders have political sagacity and that we understand them in every move they make but we go over it slowly. We want to teach the people that we are as yet, as I said, in a stage where we are trying to make democracy work, and we do not want the Opposition to come and prevent the working of this parliamentary democracy. That is the reason why, Mr President, Sir, I support this Bill very strongly.

May I add further to say how glad we are, Sir, to welcome you to this House and how honoured we are to have your legal sagacity and wisdom with us here today. (*Applause*).

Thank you.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Perlembagaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ghafar bin Baba tadi.

Sa-telah saya mendengar salah seorang rakan saya di-dalam Dewan ini berchakap pada mula² tadi, saya rasa saya sendiri berasa keraguan, ia-itu pada peringkat permulaan rakan saya ini berkata, ia-itu ia bersimpati dengan pindaan Perlembagaan ini, tetapi pada peringkat akhir-nya pada satu nafas yang lain pula ia mengatakan pindaan ini tidak patut di-lakukan. Saya rasa perkataan bersimpati kemudian tidak patut di-lakukan ada-lah satu perkataan yang amat bertentangan di-antara satu sama lain yang keraguan saya tadi mungkin juga bukan keraguan

saya sendiri, ini juga barangkali yang mengeluarkan perkataan ini sendiri tidak tahu menentukan sikap apa-kah yang dia chakapkan, dan apa-kah pula yang dia ertikan-nya

Tuan Amaluddin bin Darus: Untuk penjelasan. Apa yang telah saya jelaskan tadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'alumat saudara kita Senator Saidon, tidak patut walau pun saya bersimpati dengan kerana tidak memikirkan kepentingan² yang lain² yang ada hubungan dengan chara yang lain.

Tuan Saidon bin Kechut: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya mempunyaï pengertian ia-itu kalau bersetuju sa-chara langsung, atau tidak sa-chara langsung, kemudian tidak patut pula di-pergunakan, erti-nya tidak ada apa², tidak ma'ana langsung kapada perkataan itu, erti-nya tidak ada isi-lah, sa-rupa burong nuri berchakap.

Jadi saya kembali kapada soal pindaan Perlembagaan ini sa-bagaimana yang sudah pun di-ketahuï ia-itu pindaan ini terpaksa di-lakukan oleh Kerajaan, berpuncha dari tindakan Parti Buroh Malaysia yang telah mengarahkan beberapa orang Ahli² Dewan yang duduk di-dalam Dewan² Negeri, Dewan Ra'ayat dan juga Majlis² Dewan Meshuarat yang lain daripada Parti Buroh supaya mengundorkan diri atau meletakkan jawatan-nya beramai². Perkara ini telah berlaku dan di-lakukan sa-hingga jikalau sa-kira-nya pindaan ini tidak di-lakukan oleh Kerajaan mungkin perkara ini bagitu hebat di-jalankan. Di-antara sebab² yang di-sebutkan yang sama² telah di-ketahuï ia-itu konon-nya untuk meletakkan, menarek diri beramai² daripada ahli² Parti Buroh ini di-sebabkan ia-lah demokrasi telah mati. Kemudian apabila pengundoran diri ini di-lakukan oleh Parti Buroh, di-desak pula supaya Kerajaan mengadakan pilehan² raya kecil, kemudian ada lagi ugutan² di-keluarkan pula ia-itu Parti Buroh akan memulaukan pilehan² raya. Bukti² yang di-tunjukkan telah berlaku di-kawasan pilehan raya, pilehan raya kecil Serdang baharu² ini ia-itu keadaan ini menjadi satu perkara

yang mengancham keutuhan pilehan raya yang di-jalankan di-situ.

Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, alasan demokrasi sudah mati ini, saya sendiri mengetahui bukan sahaja di-keluarkan oleh sa-buah parti, Parti Buroh Malaysia ini, tetapi juga dari-pada Parti² Pembangkang yang lain, termasok PAS sendiri juga terlibat, pernah kedengaran mengatakan demokrasi di-Malaysia telah mati. Soal ini sunggoh meragukan kerana sa-panjang pengetahuan Ahli² Dewan dan siapa sahaja yang tinggal di-Malaysia yang benar² tahu dan bertanggong-jawab dengan perkembangan politik negara Malaysia ini tidak dapat menafikan bahawa Malaysia mempunyaï amalan demokrasi yang sa-ratus peratus, kerana sa-lain daripada Ahli² dari Parti Kerajaan, Ahli² dari Parti Pembangkang pun mengambil kesempatan menikmati amalan demokrasi ini sa-hingga sanggup menjadi chalun di-dalam pilehan² raya dan dapat kesempatan kerusi² lembut dalam semua Majlis² Meshuarat di-negara ini. Kalau sa-kira-nya demokarsi telah mati, saya rasa masa-nya belum terlambat untuk mereka yang berpen-dapat demikian untuk membuktikan Pilehan Raya Kebangsaan yang besar akan di-jalankan lagi di-negara kita tidak berapa lama lagi dan satu cha-baran yang harus di-hadapi oleh mereka yang menganggap demokrasi telah mati, chuba buktikan supaya pilehan² raya yang akan datang tidak ada sa-orang daripada Parti Pembangkang pun yang akan menjadi chalun di-dalam pilehan² raya yang akan datang dan biar semua-nya orang² yang menjadi chalun daripada Parti Kerajaan tidak payah bertanding, kalau bertanding pun saya rasa dengan keadaan yang demikian mungkin chalun² Parti Pembangkang akan hilang deposit pada tahun 1969 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengishtiharkan akan meng-adakan satu pilehan raya baharu dalam tempoh barangkali dalam tempoh 60 hari sa-telah Dewan di-bubarkan dalam masa lepas persidangan Dewan Ra'ayat, bulan Mach, bulan April atau pun bulan Mei yang akan datang

sa-lewat²-nya, telah di-umumkan oleh Kerajaan dari beberapa masa yang terdahulu daripada kejadian penarekan diri ini. Jadi terang-lah kapada kita bahawa bukan-lah dengan sebab demo-krasi telah mati, Kerajaan takut mahu menganjorkan pilehan raya dan mabok kuasa yang sa-betul-nya. Apa yang sudah di-terangkan dan sama² di-keta-hui perbuatan mengadakan pilehan² raya kecil dalam tempoh yang bagitu terhad, sedangkan pilehan raya yang besar akan di-langsungkan. Ini ada-lah membazirkan wang bagaimana yang di-ketahui merugikan tenaga dan masa dan juga, barangkali kalau di-jalankan pilehan² raya kecil mengikut apa yang di-kehendaki oleh pehak² Pembangkang, maka masa yang terdapat, dua tiga bulan, kita tidak mahu menghampaskan chalun² yang bertanding walau pun menang sa-hingga tidak sempat hendak menduduki kerusi² meshuarat masing². Jadi yang menjadi persoalan kapada saya satu lagi ia-itu siapa-kah yang menyuroh Ahli² Meshuarat daripada Parti Buroh ini menarek diri mengo-songkan kerusi? Tidak ada siapa yang menyuroh dan saya rasa tidak ada siapa pula yang hendak memujok. Kalau benar parti² ini mempunyaï tanggong-jawab dan dapat mem-buktikan kebenaran dan kebaikan perjuangan masing², termasok Parti² Pembangkang mana sa-kali pun, maka peluang maseh ada kapada mereka dalam masa berkempen nanti, dalam pilehan raya besar yang akan datang tidak berapa lama lagi, mereka boleh menerangkan kapada pengundi, mereka boleh menerangkan kapada ra'ayat tentang kebaikan mereka, kebijaksanaan mereka dan bagaimana mereka akan menchapai kemenangan, dapat memikat hati ra'ayat, bagaimana yang saya katakan tadi bahawa ini semua mungkin akan di-dapati di-dalam khayal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menarek perhatian di-sini, yang saya rasa soalan mengenai lantekan Ahli² Dewan Negara ini dari-pada lantekan Yang di-Pertuan Agong lebih ramai daripada yang di-pileh oleh Dewan Undangan Negeri bagaimana

yang di-katakan oleh rakan saya. Saya dalam masaalah ini pun mempunyaï kekeliruan dan saya tidak tertarek dengan soal lantekan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau lantekan daripada Dewan Undangan Negeri. Yang sa-baik²-nya Ahli Yang Berhormat ini sa-patut-nya menerangkan sa-kurang²-nya untuk menghilangkan keraguan saya, apa-kah perbedaan kedudukan Ahli Dewan ini dengan sa-chara yang di-lantek dari-pada Dewan Undangan Negeri dan lantekan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Perbedaan ini dari segi lantekan, apa-kah yang sa-benar-nya menjadi tujuan dan menjadikan tanggong-jawab kapada sa-saorang Ahli Dewan ini. Ini yang perlu di-terangkan.

Jadi kalau soal lantekan Dewan Undangan Negeri dan lantekan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya rasa Ahli² Dewan ini banyak mewakili tiap² Negeri, sa-belas Negeri termasok Ahli Yang Berhormat ini sendiri. Walau pun Parti Pembangkang mendapat kesempatan juga lantekan daripada Dewan Undangan Negeri dudok di-dalam Dewan yang mulia ini. Saya rasa perkara ini tidak perlu di-timbulkan kerana perkara ini telah sama² di-ketahuï dan menurut atoran dan peratoran bagaimana yang di-kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya rasa ragu² ia-itu soal kesalahan Kerajaan dari semenjak mula lagi. Soal ini memang tidak boleh menjadi soalan lagi kapada saya kerana memang menjadi pendirian, memang menjadi prinsip, menjadi dasar kapada sa-buah Parti Pembangkang di-mana sahaja ada kesempatan. Dahulu dan sekarang dan sampai bila² di-masa yang akan datang barangkali kita tidak akan mendengar daripada pehak Pembangkang akan mengatakan Kerajaan baik, Kerajaan betul—ini tidak akan mimpi, kerana tiap² sa-orang daripada Pembangkang tidak akan mengatakan kebaikan Kerajaan, kerana dia tahu jika-lau dia juga sama² mengatakan kebaikan Kerajaan erti-nya dia membunuh diri-nya sendiri. Dengan sebab itu pada perengkat permulaan kesa-

lahan Kerajaan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tentang soal kera'ayatan yang terbuka bagitu luas dan di-chuaikan, saya rasa pada masa permulaan Lord Reid mengetuaï Surohanjaya untuk mencipta satu Perlembagaan Malaysia memang telah di-bukakan sa-luas²-nya kapada semua pertubuhan, kapada semua ra'ayat walau pun atas diri persaorangan-nya sa-kali pun supaya memberikan pandangan, memberikan chadangan apa yang sa-baik²-nya harus menjadi panduan dalam mencipta sa-buah Perlembagaan, Perlembagaan yang dapat di-pertanggong-jawabkan, tetapi malang-nya sa-tahu saya satu Parti Pembangkang ia-itu PAS sendiri sa-hingga hari ini membeku dan membisu tidak ada satupun chadangan atau idea² yang dapat di-pertanggong-jawabkan kechuali satelah nasi menjadi bubor, kalau ia-lah sa-bagaimana tujuan rakan saya tadi. Ini satu perkara yang mendukachitakan. Jadi perkara yang meragukan saya dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, rakan ini juga merasakan kurang kepuasan dan menyatakan juga demokrasi berjalan di-negara kita ini tidak menurut sa-chara landasan yang betul. Ini ada-lah kesalahan Kerajaan kerana kurang-nya peratus pengundi² yang keluar mengundi dalam tiap² kali pilehan² raya kecil yang di-adakan baharu² ini di-beberapa tempat. Dengan sebab itu di-usulkan supaya di-adakan undi wajib erti-nya di-jadikan satu undang² tiap² sa-orang warga-negara akan di-paksa keluar mengundi di-dalam mana² pilehan raya. Saya rasa, pada pendapat saya sendiri soal undi wajib ini memang telah di-dengar dari semenjak beberapa lama dahulu dan kegiatan² soal kurang-nya, atau merusot-nya pengundi² keluar dalam masa pilehan² raya bukan-lah di-sebabkan kesalahan Kerajaan sa-mata², kerana kita ketahuï di-beberapa tempat pengundi² yang kurang keluar mengundi ada yang di-sebabkan sekatan, tekanan atau pun paksaan yang di-lakukan oleh puak² Parti Pembangkang, barangkali lebih tepat kalau saya katakan perbuatan dari gerombolan parti² Pembangkang. Saya tahu dan saya dapat

buktikan banyak kejadian². Ada yang di-buat sa-chara di-tahan, di-sekat, di-ugut, dan ada perampasan paspot supaya pengundi² tidak dapat keluar, kemudian tuduhan ini di-lemparkan kepada Kerajaan. Soal ini berlaku dan dalam soal ini saya rasa barang-kali Kerajaan kita lebih mengetahui dan lebih bertanggong-jawab bahawa kebebasan sa-saorang terutama hak mengundi telah di-berikan dengan sa-penoh²-nya dan terpulang-lah kebebasan ini kepada tiap² sa-saorang ra'ayat Malaysia, warga-negara Malaysia, menggunakan hak-nya sa-bagai pengundi. Malang-nya bila saya ber-chakap rakan saya ini keluar.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ingin saya katakan di-sini ia-itu ber-hubung dengan soal demokrasi, siapa-kah yang menentukan hidup atau mati-nya demokrasi ini kalau di-dengar daripada pehak Parti Buroh dan Parti² Pembangkang yang lain demokrasi telah mati? Punca daripada tuduhan ini ia-lah dengan sebab tangkapan yang di-lakukan oleh Kerajaan kepada beberapa orang pemimpin² Parti² Pembangkang yang tertentu. Rasa-nya bagi Kerajaan yang bertanggong-jawab, bagi ra'ayat yang bertanggong-jawab kapada negara dan masharakat Malaysia ini tentu-lah dapat menggunakan pertimbangan akal fikiran yang waras untuk mengetahui sebab²-nya tindakan ini di-lakukan.

Kita tahu bagaimana hasutan², pengaroh² yang di-jalankan oleh ana-sir², gejala² yang tidak sehat yang muhu menghanchorkan ketenteraman ra'ayat dan demokrasi negara ini. Saya rasa tindakan Kerajaan yang di-jalankan bukan-lah dengan sebab memperbeza-kan atau muhu melakukan sa-suatu tekanan kerana kepentingan Kerajaan sendiri malah apa yang di-jalankan sudah di-ketahu² dan sudah pun ter-bukti sa-mata² kerana kepentingan negara dan ra'ayat. Maka kalau ini muhu di-katakan sa-bagai puncha demokrasi telah mati, maka sa-sung-goh-nya apa yang di-katakan oleh puak² yang tidak bertanggong-jawab ini mereka-lah yang muhu memper-main²kan demokrasi, mereka-lah muhu

menuda¹ kesuchian demokrasi dan muhu mengancham demokrasi yang ada di-negara yang ada di-sebelah sini.

Jadi bagi mereka² yang demikian, saya rasa patut saya katakan di-sini sa-bagai seruan saya negara demokrasi di-Malaysia ini bukan-lah tempat untuk mereka tinggal di-sini dan kapada mereka yang tidak muhu ta'at setia kapada atoran dan peratoran negara ini khusus-nya kapada amalan demokrasi ini, lebih baik-lah mereka meninggalkan negara ini dengan sa-chepat mungkin, kerana saya tahu benar² bahawa mereka tidak akan dapat menghanchorkan demokrasi di-Malaysia ini bahkan demokrasi di-Malaysia ini akan mengganyang mereka dan akan menyingkirkan mereka dari semua jurusan dan lapan-gan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tiada Ahli² lain lagi hendak memberikan uchapan, saya suka menggulung perbahathan ini ia-itu menjawab dengan rengkas uchapan yang di-keluarkan oleh Senator Amaluddin Darus.

Nampak-nya Ahli Yang Berhormat dari Parti PAS ini menentang usaha Kerajaan hendak meminda Perlembagaan sa-olah²-nya beliau ini mengatakan bahawa Perlembagaan ini ia-lah sa-baik² Perlembagaan yang tidak patut di-pinda lagi, pada hal orang ini juga-lah dengan rakan²-nya pada masa yang telah lalu menudoh bahawa Perlembagaan Negara yang ada pada hari ini ia-lah Perlembagaan yang di-chipta oleh orang yang di-datangkan daripada luar negeri, Lord Reid, dan bukan-nya di-buat oleh ra'ayat negeri ini sendiri. Saya tidak faham bagaimana-kah pendirian beliau dengan rakan²-nya yang lain yang berbalek² itu.

Pada satu masa mereka menudoh Perlembagaan ini di-buat oleh orang luar negeri bukan di-buat oleh ra'ayat negeri ini, tetapi sekarang mereka hendak mempertahankan Perlembagaan sa-olah² mengatakan Perlembagaan itu yang terbaik sa-kali. Ini-lah dia perbuatan ahli² politik yang memainkan

politik untuk kepentingan diri dengan tidak memperhetongkan soal keselamatan negara dan ra'ayat pada keselurohan-nya.

Beliau juga menchadangkan supaya di-adakan Jawatan-kuasa daripada semua Parti Pembangkang dan parti yang memerentah supaya mengkaji soal² Perlembagaan. Jikalau sa-kira-nya beliau pada mula² berpendapat Perlembagaan telah chukup sempurna apa-kah sebab-nya, apa-kah mustahaknya Jawatan-kuasa yang di-chadangkan itu di-tubohkan lagi, dan saya suka memberi nasehat kapada beliau bahawa Jawatan-kuasa seperti itu tidak perlu di-bentok bahkan semua Ahli² Pembangkang di-dalam Dewan Negara, Dewan Ra'ayat ada-lah di-beri sa-penoh² kebebasan untuk membawa usul bagi meminda mana² sahaja bahagian Perlembagaan yang di-fikirkan patut di-ubah, sama ada pindaan yang di-bawa oleh pehak Pembangkang menang atau pun kalah,—itu ada-lah soal lain. Jika sa-kira-nya mereka kalah, ini bererti ia-lah ra'ayat terbanyak yang di-wakili oleh pehak Kerajaan tidak bersetuju dengan pindaan² yang di-bawa oleh mereka itu. Tetapi walau bagaimana pun kebebasan ada-lah di-berikan dengan sa-penoh-nya kapada mereka itu boleh membawa usul² pindaan Perlembagaan pada bila² masa sahaja yang mereka kehendaki, tetapi malang-nya sa-hingga pada hari ini, saya tidak pernah mendengar Parti Islam sa-Tanah Melayu ini ada membawa pindaan² seperti itu di-bawa masok ka-dalam Dewan ini.

Berhubong dengan soal merusot-nya undi di-satengah² tempat kawasan pilehan raya, suka-lah saya menyebutkan bahawa undi dalam pilehan raya berjalan di-Malaysia boleh di-katakan lebeh tinggi daripada sa-tengah² negara lain dalam dunia yang di-jalankan pemerentahan sa-chara demokrasi pada hari ini. Jika sa-kira-nya di-dapati ra'ayat makin berkurangan keluar mengundi, ini ada-lah satu tanda menunjukkan bahawa ra'ayat memberikan keperchayaan penoh kapada parti

yang memerentah pada hari ini. Mereka yakin sama ada mereka mengundi atau tidak, parti yang memerentah akan mendapat kemenangan sa-kali lagi dan mereka yakin diri mereka selamat di-bawah pemerentahan yang ada pada hari ini. Kalau sa-kira-nya berbangkit kachau-bilau di-sebabkan oleh kurang chekap parti yang memerentah neschaya ra'ayat akan bertambah banyak keluar membuang undi untuk menjatohkan Kerajaan yang memerentah, tetapi kekurangan undi itu saya nampak satu daripada sebab-nya ia-lah kerana ada-nya keperchayaan lagi kapada Kerajaan yang memerentah dan mereka yakin mereka akan selamat di-bawah pemerentahan Kerajaan yang ada ini.

Di-sini saya suka menyebutkan bahawa puak pembangkang terutama sa-kali Parti PAS ada-lah parti yang paling pandai sa-kali menjalankan teknik pilehan raya bagaimana hendak mengurangkan orang keluar mengundi pada hari pilehan raya ia-itu orang² yang di-fikirkan menyokong Kerajaan. Saya boleh membuat dua contoh yang di-buat oleh Parti PAS di-Negeri Kelantan. Yang pertama sa-kali orang² PAS yang ini mengelirukan orang ramai mengatakan hari membuang undi ia-lah dua kali atau dua hari. Undi pada hari yang pertama ia-lah kapada ra'ayat yang hendak mengundi Parti PAS sahaja. Siapa² yang hendak mengundi Parti PAS keluar-lah pada hari yang pertama. Orang² yang hendak mengundi Parti Perikatan hendak-lah keluar mengundi pada hari yang kedua pada besok-nya. Ada-lah juga yang orang perchaya kapada da'ayah ini dan keluar mengundi pada hari yang kedua, di-mana tempat mengundi sudah ditutup. Dan lagi satu cherita luchu yang di-buat oleh Parti PAS pada malam hendak membuang undi. Orang² PAS pergi ka-rumah orang² Perikatan waktu malam dan melepaskan semua kerbau lembu orang² Perikatan supaya lari ka-dalam hutan dan apabila sampai hari membuang undi orang² Perikatan yang punya kerbau lembu, dan kaum keluarga-nya, masok dalam hutan menchari lembu sampai sa-hari suntok

tidak balek ka-rumah (*Ketawa*). Jadi orang ini tidak dapat keluar mengundi. Ini-lah satu perbuatan yang di-lakukan oleh Parti PAS di-sana tetapi bila sampai ka-mari, ia terpekek menuudoh Kerajaan tidak menjalankan kerja dengan chukup tertib.

Tuan Yang di-Pertua, sukar sunggoh bagi kita hendak berchakap dengan manusia yang ada mempunyaï dua bahasa bukan Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris, tetapi ia-lah bahasa dunia dengan bahasa akhirat. Di-dalam Dewan ini beliau berpura² berchakap dalam bahasa dunia berchakap berkenaan dengan Perlembagaan dan kemajuan, tetapi orang ini apabila balek ka-Kelantan, beliau-lah dengan rakan²nya memberitahu ra'ayat Kelantan bahawa dunia ini bukan kita punya, dunia bukan untuk orang Islam, dunia untuk orang yang bukan Islam dan orang² Islam hendak-lah ingat bahawa kita akan mati tidak lama lagi, dan beliau mengingat², menakut²kan orang di-sabelah Kelantan barang siapa memandang tinggi ranchangan² kemajuan yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan, maka akan rosak iman-nya dan akan masok neraka dalam akhirat kelak. Ini-lah manusia yang hendak membunuh, yang sa-benar²nya hendak membunuh, bangsa Melayu yang hendak hidup pada hari ini. Nasib baik Kerajaan Perikatan menjalankan pemerentahan demokrasi, Kerajaan yang saperti itu di-benarkan juga berjalan dalam tanah ayer kita. Jika demokrasi telah mati saperti yang di-sebutkan dan pemerentahan autocracy dalam negeri ini sudah pasti Parti PAS menggulung tikar bantal.

Berhubong dengan soal enam bulan sa-belum di-adakan pilehan raya beliau terus bertanya pada Kerajaan siapa-kah yang menetapkan enam bulan sa-belum pilehan raya itu, bila-kah masa, tarikh pilehan raya itu sa-benar di-jalankan. Ini ada-lah berdasarkan apa yang tersebut di-dalam Perlembagaan di-mana² tiap² lima tahun sa-kali pilehan raya mesti-lah di-adakan dalam tempoh enam bulan sa-belum pilehan raya itu ia-lah berdasar chukup genap lima

tahun daripada satu pilehan raya kapada satu pilehan raya saperti yang di-tetapkan oleh Perlembagaan. Jika sa-kira-nya ada orang² yang hendak membuat kelakuan yang nakal mereka berhenti satu hari sa-belum tempoh enam bulan, maka itu terpaksa dan pilehan raya mesti di-adakan maka sebab itu terpaksa di-adakan satu line di-mana tempat yang mereka boleh berhenti dengan terpaksa mengadakan pilehan raya kecil dan di-mana tempat pemberhentian mereka yang tidak harus di-adakan pilehan raya kecil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak memanjangkan cherita hal ini. Perkara ini di-buat ada-lah dengan tujuan yang baik sa-mata² hendak mengelakkan jangan Kerajaan menge luarkan wang yang banyak dan ra'ayat menjadi bosan, kerana sentiasa hendak keluar mengundi dengan tidak ada memberi faedah. Saperti yang saya sebutkan pada mula² tadi ahli yang akan di-pileh di-dalam pilehan raya kecil kurang daripada enam bulan daripada tempoh Dewan hendak dibubarkan menjadi sia² sahaja, boleh jadi Dewan tidak bersidang lagi dan pemilihan itu, wakil yang di-pileh itu, tidak dapat sa-kali pun hendak duduk dalam Dewan menyuarakan kehendak² pengundi mereka itu, dan kita sedar juga bahawa ada parti² politik yang hendak menggunakan pemberhentian mereka itu supaya membangkitkan kachau-bilau dalam negeri ini. Dalam tempoh enam bulan jika berbangkit kachau-bilau maka di-takuti demokrasi akan menjadi lumpoh, sebab akan mengancham pilehan raya yang akan di-adakan dalam tempoh enam bulan yang di-sebutkan. Kalau sa-kira-nya kachau-bilau itu berlaku lebih lama daripada enam bulan ada-lah kemungkinan bagi Kerajaan menutup segala kekachauan itu dan menghadapi pilehan raya dengan sempurna-nya, tetapi jika terlampau hampir sangat pilehan raya umum hendak di-adakan dan berbangkit kachau-bilau ada-lah di-takuti demokrasi akan mati dalam negeri ini. Jadi tegas-nya perbuatan Kerajaan, meminda Perlembagaan ini

ia-lah kerana hendak memelihara dan menjamin supaya demokrasi tetap hidup di-mana pilihan raya di-jalankan dengan sempurna dalam tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kemukakan masaalah ini kapada Majlis, ia-itu mengikut Fasal 159 dalam Perlembagaan, bacaan kali yang kedua ini hendak-lah chara membelah bahagi.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

Yang Bersatu, 46; Yang Tidak Bersatu, Tiada; Yang Tidak Mengundi, 1.

YANG BERSETUJU

Tuan Abdul Ghafar bin Baba
 Tuan Abdullah Dato' H. A. Rahman
 Tuan Abdul Rahim A. Manan
 Dato' Haji Abdul Rahman
 Tuan Abdul Samad Osman
 Tuan Abu Bakar Ahmad
 Tuan Haji Ahmad H. A. Manap
 Puan Aishah Ghani
 Puan Bibi Aishah Hamid Don
 Tuan Awang Daud Matusin
 Tan Sri Tuanku Haji Bujang
 Tuan Chan Keong Hon
 Tuan Chan Kwong-Hon
 Dato' Dr Cheah Toon Lok
 Tuan Chong Foo Khin
 Dato' J. E. S. Crawford
 Dato' Foo See Moi
 Tan Sri Gan Teck Yeow
 Tuan Goh Chek Kin
 Tuan Hong Kim Sui
 Tuan Ibrahim Haji Yaacob
 Tuan C. D. Ismail
 Tuan Andrew Jika Landau
 Tuan Koh Kim Leng
 Dato' Y. T. Lee
 Tuan Lim Hee Hong
 Tuan S. T. Mani
 Dato Pengiran Mohd. Digadong Galpam
 Tuan Md. Hanipah S. Alaudin
 Tuan Haji Mohd. Saaid
 Dato' Ngau Ken Lock
 Nik Hassan Haji Nik Yahya
 Dato' Temenggong Oyong Lawai Jau
 Tok Pangku Pandak Hamid
 Tuan Saidon bin Kechut
 Tuan K. R. Somasundram
 Tuan Syed Darus
 Tuan Syed Hassan Aidid
 Tuan William Tan
 Tan Sri T. H. Tan
 Dato' Thuraisingham
 Dato' S. O. K. Ubaidulla
 Dato' Wan Ibrahim
 Wan Sulaiman

Tuan Yahya Haji Ahmad
 Tuan Yeoh Kian Teik

YANG TIDAK BERSETUJU
 Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI
 Tuan Amaluddin bin Darus

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempererusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Dewan bersidang sa-mula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan bahawa Rang Undang² the Constitution (Amendment) Bill di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Dewan berbelah-bahagi.

Yang Bersatu, 46; Yang Tidak Bersatu, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

Tuan Abdul Ghafar bin Baba
 Tuan Abdullah Dato' H. A. Rahman
 Tuan Abdul Rahim A. Manan
 Dato' Haji Abdul Rahman
 Tuan Abdul Samad Osman
 Tuan Abu Bakar Ahmad
 Tuan Haji Ahmad H. A. Manap
 Puan Aishah Ghani
 Puan Bibi Aishah Hamid Don
 Tuan Awang Daud Matusin
 Tan Sri Tuanku Haji Bujang
 Tuan Chan Keong Hon
 Tuan Chan Kwong-Hon
 Dato' Dr Cheah Toon Lok
 Tuan Chong Foo Khin
 Dato' J. E. S. Crawford
 Dato' Foo See Moi
 Tan Sri Gan Teck Yeow

Tuan Goh Chek Kin
 Tuan Hong Kim Sui
 Tuan Ibrahim Haji Ya'acob
 Tuan C. D. Ismail
 Tuan Andrew Jika Landau
 Tuan Koh Kim Leng
 Dato' Y. T. Lee
 Tuan Lim Hee Hong
 Tuan S. T. Mani
 Dato' Pengiran Mohd. Digadong Galpam
 Tuan Md. Hanipah S. Alaudin
 Tuan Haji Mohd. Saaid
 Dato' Ngau Ken Lock
 Nik Hassan Haji Nik Yahya
 Dato' Temenggong Oyong Lawai Jau
 Tok Pangku Pandak Hamid
 Tuan Saidon bin Kechut
 Tuan K. R. Somasundram
 Tuan Syed Darus
 Tuan Syed Hassan Aidid
 Tuan William Tan
 Tan Sri T. H. Tan
 Dato' Thuraisingham
 Dato' S. O. K. Ubaidulla
 Dato' Wan Ibrahim
 Wan Sulaiman
 Tuan Yahya Haji Ahmad
 Tuan Yeoh Kian Teik

YANG TIDAK BERSETUJU
 Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI
 Tiada

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.45 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 12.00 tengah hari.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

THE WIDOWS' AND ORPHANS' PENSIONS (SABAH) (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² the Widows' and Orphans' Pensions Ordinance (Sabah) (Amendment) Act, 1968 di-bacha pada kali yang kedua.

Saperti Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ma'alom apabila Malaysia telah di-tubohkan, perkara² penchen, Ranchangan Penchen Balu² dan Anak² Yatim dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja² Kerajaan di-Negeri² di-Malaysia Timor ada-lah menjadi satu daripada tanggongan² Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian ada-lah menasabah jikalau Undang² Penchen dan sa-bagai-nya yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu di-panjangkan sahaja peruntukan undang² itu kepada Negeri² di-Malaysia Timor.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE WIDOWS' AND ORPHANS' PENSIONS (SARAWAK) (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya Rang Undang² ber-nama the Widows' and Orphans' Pensions (Sarawak) (Amendment) Act, 1968 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE MALAY REGIMENT (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya satu Rang Undang² yang bernama an Act to amend the Malay Regiment Enactment (F.M.S. Cap. 42) di-bacha bagi kali yang kedua.

Di-bawah sharat² undang² yang ada sekarang hanya pegawai yang berpangkat Brigadier Jeneral ka-atas ada-lah di-beri kuasa untuk membichara rengkas (trial and summarily) pegawai² yang rendah dari pangkat Major serta Pegawai² Warrant manakala pegawai² demikian ada-lah di-bicharakan demikian. Di-bawah amalan yang ada sekarang pegawai² yang rendah dari pangkat Major serta Pegawai² Warrant yang rela untuk di-bicharakan dengan rengkas ada-lah di-bicharakan di-hadapan Brigade yang berpangkat Brigadier Jeneral untuk perbicharaan rengkas walau pun pegawai² demikian tiada sa-chara langsung di-bawah pemerintah Brigadier Jeneral yang akan membicharakan mereka. Ada-lah di-fikirkan bahawa Kenel² yang menjalankan tugas pemerintah yang luas dan yang lazim-nya pemerintahan garisan² patut ia juga di-beri kuasa untuk membicharakan rengkas kes² yang melibatkan pegawai² yang rendah dari pangkat Major serta Pegawai² Warrant. Sa-kiranya Kenel² yang mana ada-lah pegawai² kanan di-dalam Tentera Darat

serta di-anugerahkan kuasa mengadakan perbicharaan lengkas terhadap pegawai² yang rendah daripada pangkat Major serta Pegawai² Warrant, maka chara menghadapkan pegawai² rendah yang berpangkat Major serta Pegawai² Warrant untuk perbicharaan lengkas akan tercapai dengan lebih pantas dan berhasil. Undang² ini dikemukakan ada-lah sa-mata² dengan tujuan hendak membolehkan perbicharaan di-jalankan lebih memberi kesan dan lebih chepat dan lebih sempurna lagi.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE ELECTION OFFENCES (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang² yang bernama the Election Offences (Amendment) Bill, 1969 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dari pengalaman yang telah didapati dalam pilehan raya dan pilehan² raya kecil yang telah di-jalankan di-negeri ini ada-lah di-dapat perlu meminda sadikit peruntukan² dalam Election Offences Ordinance, 1954 dengan tujuan memperbaiki lagi undang² tersebut. Dengan lulus-nya undang² ini peruntukan² dalam pin-

daan² itu boleh-lah di-gunakan dalam pilehan raya umum yang akan di-adakan pada tahun ini dan juga dalam pilehan raya² yang akan datang dengan tujuan hendak memberi lebeh kemudahan kepada chalun² yang bertanding untok menggunakan wang yang berpatutan bagi menjalankan kempen² pilehan raya-nya.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE CRIMINAL PROCEDURE CODE (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang² yang bernama the Criminal Procedure Code (Amendment) Bill di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE COMMONWEALTH FUGITIVE CRIMINALS (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang² the Commonwealth Fugitive Criminals (Amendment) Bill di-bacha kali yang kedua.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE SUMMONSES (SPECIAL PROVISIONS) SINGAPORE BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang² Saman

(Peruntukan Khas) (Singapura) di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE MINISTERIAL FUNCTIONS BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon men-chadangkan ia-itu Rang Undang² yang bernama the Ministerial Functions Bill di-bacha bagi kali yang kedua.

Dalam tahun 1951 undang² telah di-luluskan bernama Ordinance Memindahkan Tugas Menteri² Kerajaan Persekutuan, 1951 yang mengandungi peruntukan² berhubung dengan perlantekan Ahli² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan mengadakan peruntukan mengenai nama jawatan bagi tiap² sa-orang ahli tersebut dan mengenai pemberian pemindahan dan peruntukan tugas² yang tertentu kepada dan di-antara ahli² tersebut.

Undang² ini telah di-buat apabila Pesurohjaya Tinggi mengikut kuasa-nya di-bawah Fasal 14 Perjanjian Persekutuan, 1948 menuahkan Perjawatan Awam bagi ahli Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Apabila Merdeka, Ordinance itu telah di-pinda supaya menghadkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Ordinance itu

kapada membuat dari sa-masa ka-samasa perentah² bagi memberi suatu tugas kapada sa-saorang Menteri. Memindahkan tugas² itu daripada sa-orang Menteri kapada sa-orang Menteri yang lain dan menguntokkan atau mengubah nama jawatan sa-saorang Menteri itu.

Di-dalam sistem Kerajaan berparlimen ada-lah di-akuï sa-bagai suatu convention dalam Undang² Perlembagaan di-bawah Perdana Menteri sa-bagai orang yang utama di-antara yang sataraf menetapkan tugas² bagi sa-orang Menteri. Dalam Perlembagaan kita yang bertulis tiada tersebut pun kuasa Perdana Menteri mengenai perkara ini, tetapi Perkara 39 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntokkan bahawa kuasa Pemerintahan Persekutuan ada-lah terletak kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh di-jalankan oleh-nya, atau oleh Jema'ah Menteri, atau sa-orang Menteri yang di-beri kuasa oleh Jema'ah Menteri. Maka nyata-lah bahawa Perdana Menteri ada-lah berkuasa penoh bagi menetapkan dan membahagi²kan tugas di-antara Menteri²-nya, walau pun tiada undang² yang memperuntokkan sa-demikian.

Oleh yang demikian, sa-suatu undang² sa-kira-nya di-buat akan hanya menegaskan lagi kuasa ini atau meng-adakan peratoran² bagaimana kuasa ini boleh di-jalankan. Sunggoh pun Ordinance, 1951 dalam Section 4 sa-olah² memberi kuasa kapada Yang di-Pertuan Agong bagi menguntok dan membahagikan² tugas² Menteri, Ordinance itu hendak-lah di-ertikan sa-bagai hanya menyatakan peratoran² bagi menyiaran dalam *Warta tugas²* Menteri yang telah di-peruntokkan dan di-bahagi²kan itu.

Ordinance 1951 itu telah banyak di-pinda dan sa-bahagian besar-nya telah di-mansokhkan kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian satu undang² baharu ada-lah perlu di-buat untuk mengganti Ordinance 1951 dan undang² baharu² ini akan hanya menetapkan peratoran bagi menjalankan kuasa menguntok dan membahagi²kan tugas²

Menteri. Jadi, di-sebabkan itu-lah Rang Undang² ini di-bentangkan kepada Dewan yang berbahagia ini.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENERBANGAN 'AWAM'

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² Penerbangan Awam di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 28 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE PORT AUTHORITIES (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² yang bernama the Port Authorities (Amendment) Bill di-bacha bagi kali yang kedua.

Kawalan Keselamatan di-kawasan Pelabuhan Port Swettenham sekarang ini di-jalankan oleh Anggota² Polis di-Raja Malaysia dengan di-biayai oleh Lembaga Pelabuhan. Ada-lah di-fikirkan sekarang bahawa satu Pasukan Keselamatan yang terlately dalam perjalanan pelabuhan dan digaji terus oleh-nya akan membawa kapada kawalan keselamatan yang lebuh berkesan oleh Lembaga itu sendiri.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membolehkan Lembaga Pelabuhan Swettenham dengan kebenaran Menteri menuhobkan satu Pasukan Keselamatan-nya sendiri untuk mengambil alih tugas² yang sekarang di-jalankan oleh Anggota² Polis di-Raja Malaysia.

Keputusan hendak menuhobkan satu Pasukan Keselamatan-nya sendiri itu telah di-ambil oleh Lembaga Pelabuhan Swettenham itu sa-lepas berunding dengan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Penubohan satu Pasukan saperti itu ada-lah sa-chuchok dengan tugas² Lembaga itu ia-itu mengadakan perkhidmatan² pelabuhan yang sempurna sesuai dengan kepentingan awam.

Anggota² Pasukan Keselamatan itu kelak akan di-lantek di-bawah Seksyen 13, Undang² Lembaga Pelabuhan, 1963 dan Peraturan² yang di-buat di-bawah Seksyen 15 Undang² itu mengenai perkara² yang berkaitan dengan gaji, Skim Simpanan Wang Pekerja dan

sa-bagai-nya bagi pegawai² dan kaki-tangan² Lembaga akan boleh di-kenakan kepada Anggota² Pasukan Keselamatan itu.

Dalam meshuarat-nya pada 18 hari-bulan Disember, 1968, Jema'ah Menteri telah meluluskan supaya Rang Undang² ini di-kemukakan kapada Parlimen dalam persidangan-nya sekarang ini dan sekarang ini di-bawa ka-dalam Dewan Negara.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sadikit, ada-kah undang² ini akan meliputi Pelabuhan Pulau Pinang sama, atau pun satakat Port Swettenham sahaja?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Port Swettenham sahaja.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan Dewan Negara di-tanggohkan pada 24 haribulan Februari, 1969, pada pukul 10.00 pagi.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 12.40 tengah-hari.